



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap/Kontrak** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang**.

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	STATUS	PENEMPATAN	JADUAL GAJI	
						MINIMUM	MAKSIMUM
<b>A. KUMPULAN PELAKSANA</b>							
1	PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL)	JA29	Penolong Jurutera	Tetap/ Kontrak	Kampus Pasir Gudang	RM 1,549.00	RM 5,701.00
2	PEMANDU	H11	Pemandu	Tetap / Kontrak	Kampus Segamat	RM 1,218.00	RM 2,939.00

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

#### 1. PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) (JA29)

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau  
(ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

dan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C ) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 2. PEMANDU (H11)

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (ii) lesen memandu kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] : dan
- (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 RM1,310.30
- Lesen F/H RM1,356.45
- Lesen G/I RM1,402.60

**Calon yang memiliki Lesen GDL & PSV serta sihat tubuh badan diberi keutamaan**

dan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.
- b. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Johor di <http://www.johor.uitm.edu.my/v3/> atau boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.
- c. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- d. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemas kini.
- e. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **tidak berjaya**.

Tarikh tutup permohonan adalah pada hari **AHAD, 24 MAC 2019**.

Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR  
KAMPUS SEGAMAT  
JALAN UNIVERSITI KM. 12 OFF JALAN MUAR  
85000 SEGAMAT  
JOHOR DARUL TA'ZIM**

**No Tel : +(607)-935 2020 / 2273 / 2272**